
DASAR-DASAR PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: PERUBAHAN DAN MASALAH

Haji Awg Asbol Bin Haji Mail

Keynote Speaker

Program Pengajian Sejarah & Antarabangsa
Fakulti Sastera Dan Sains Sosial
Universiti Brunei Darussalam

Abstrak

Makalah ini cuba meneliti bagaimana dasar-dasar pendidikan yang muncul dalam sistem pendidikan Brunei dari tahun 1954 hingga kini memang melihatkan perubahan yang disesuaikan permintaan semasa. Ia juga berhadapan dengan berbagai masalah. Di antara masalah utama yang sering dihadapi pada dasar-dasar pendidikan dalam tempoh ini ialah menjadi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah seluruh negeri. Isu ini jelas dilihat pada Dasar Pendidikan 1954, 1962 dan 1972 yang mahukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Namun ia menghadapi halangan untuk dilaksanakan. Masalah untuk mengadakannya bukan sahaja disebabkan faktor dalaman bahkan juga menyangkut faktor luaran. Dengan yang demikian sekolah berbagai aliran terus wujud di Brunei seperti mana yang terpahat pada Dasar Pendidikan 1954. Apabila Dasar Pendidikan Dwibahasa dan SPN 21 diwujudkan sekali lagi masalah Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar timbul. Apa yang jelasnya kedua-dua dasar ini tidak menjadi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, ia telah diambil alih oleh Bahasa Inggeris. Dalam pada itu apabila SPN21 dilancarkan pada tahun 2008 dengan alasan bagi menggantikan sistem pendidikan sebelumnya yang dikatakan tidak dapat menyediakan program-program akademik yang bersesuaian dengan keperluan global berteknologi tinggi. Bagaimanapun dasar ini mendatangkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam di negara ini apabila mata pelajaran Ugama Islam dan Melayu Islam Beraja tidak menjadi mata pelajaran teras, sebaliknya hanya menjadi mata pelajaran pilihan. Kesan dari desakan orang ramai dan tegur Sultan, maka akhir pada tahun 2009 kedua-dua mata pelajaran ini telah menjadi mata pelajaran teras.

PENGENALAN

Makalah ini cuba mengungkapkan bagaimana dasar-dasar pendidikan diwujudkan dan dibentuk oleh pemerintah Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1954 sehingga kini. Oleh kerana dasar-dasar yang sudah muncul ini mengandungi berbagai aspek dan isu yang boleh dibicarakan, maka makalah ini akan memberikan tumpuan terhadap perubahan dan masalah yang dihadapinya khususnya pendidikan akademik atau pendidikan bukan ugama. Meskipun pendidikan formal mula diperkenalkan pada tahun 1914 dengan penubuhan Sekolah Melayu di Negara Brunei Darussalam. (BAR, 1914:5) Namun kerajaan di bawah pentadbiran Residen British, tidak pernah mengeluarkan dasar rasmi pendidikan negara sehingga tahun 1954. Sedangkan dalam perancangan meningkatkan mutu pendidikan generasi muda Brunei, ia hanya boleh dicapai

menerusi penubuhan dasar yang jelas dan teratur. Dasar ialah ketetapan dalam proses pengurusan sesebuah organisasi atau kerajaan. Dasar bukan sesuatu yang neutral dan statik kerana motif tersirat mempunyai hubungan dengan bidang politik, ekonomi dan sosial. Antara motif-motif ini, politik merupakan satu aspek yang biasanya mempengaruhi orientasi dan kandungan sesuatu dasar tidak terkecuali dasar pendidikan sesebuah negara. Dasar pendidikan yang jelas memang tidak boleh dinafikan kepentingannya sebagai landasan dan garispandu dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan sesebuah negara. Corak dasar pendidikan sudah sepatutnya sentiasa selaras dengan arus perubahan sosioekonomi dan politik bukan sahaja dalam negara itu sendiri bahkan selaras dengan perubahan yang berlaku di sekelilingnya dan di luar negara juga turut diambil kira. (Sufean Hussin. 2002: 125) Lebih-lebih lagi era globalisasi dengan ledakan teknologi maklumat yang semakin canggih menyebabkan dunia kehilangan sempadan terutama di alam maya.

Jika tidak, negara akan tercicir dan tertinggal dari arus perubahan dan kemajuan dunia yang sentiasa bergerak tanpa hentinya. Apabila sebuah dasar pendidikan telah digubal ia akan melibatkan secara langsung dengan pihak pemerintah, agensi kerajaan yang peranan dalam bidang pendidikan, tenaga pengajar, pelajar dan adakalanya membabitkan pihak luar negara. Kejayaan dan keberkesanan sesuatu dasar pendidikan itu bergantung kepada sejauh mana keberhasilan dalam pembinaan ilmu yang dijana menerusi proses dan perlaksanaannya. Hal ini perlu dokongan oleh sistem pada memastikan proses pendidikan tersebut berjalan selaras dengan acuan dan matlamat asasnya.

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN SELEPAS PERANG

Apabila tentera Jepun dapat ditewaskan oleh tentera Bersekutu pada bulan Jun 1945, maka Negara Brunei Darussalam telah diletakkan di bawah pentadbiran tentera yang dikendalikan oleh tentera British (*British Military Administration* - BMA) yang peranan utama BMA memulihkan keamanan. Setelah keamanan dicapai, maka pada 6 Julai 1946 pentadbiran awam di bawah Residen British telah kembalikan semula. Pentadbiran ini berperanan meneruskan kerja-kerja pemulihan dan mempercepatkan pembangunan sosioekonomi Brunei termasuklah dalam sektor pendidikan. Pendudukan Jepun selama lebih tiga tahun telah mengakibatkan sebahagian besar infrastruktur termasuk bangunan-bangunan sekolah telah rosak. Ia mengalami kemusnahan sama ada ia terbiar atau terkena bom tentera Bersekutu semasa operasi menyerang tentera Jepun. Pada penghujung tahun 1946, hampir semua sekolah Melayu, Cina dan Misi telah beroperasi semula. Bagaimanapun, Sekolah Arab yang muncul sebelum perang tercetus telah tidak lagi beroperasi kerana gurunya telah meninggalkan Brunei. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Haji Yusop bin Haji Awg Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. 2014: 44-5)

Biarpun sekolah-sekolah Melayu telah dibuka semula tetapi ia berhadapan dengan masalah kehadiran murid-murid kurang memberangsangkan. Antara faktor yang menyumbang berlakunya gejala ini seperti kekurangan pakaian, makanan dan peralatan sekolah. Bagi mengatasi masalah makanan, kerajaan telah memperkenalkan skim

perumahan di sekolah-sekolah Melayu yang dikendalikan oleh Jabatan Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran. Skim ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan murid-murid yang telah terjejas kesan dari pendudukan Jepun, tetapi juga bagi membantu ibu bapa terutama yang tidak berkemampuan untuk menyediakan wang saku bagi murid-murid membeli makanan mereka semasa di sekolah. (Padmore. 1954:55-6 ; Aminuddin Baki & Paul Chang. 1959: 22)

Pada akhir tahun 1947, jumlah pelajar yang memasuki alam persekolahan telah melebihi jumlah pelajar sebelum perang. Meskipun demikian, masih terdapat sebilangan besar kanak-kanak yang tidak bersekolah pada ketika itu. Banci penduduk yang dilakukan pada tahun ini menunjukkan kanak-kanak Melayu termasuk kaum-kaum asli yang berumur dalam lingkungan lima ke 14 tahun seramai 7,778 orang. Dari jumlah itu hanya 1,892 orang atau 24% sahaja termasuk 334 orang pelajar perempuan yang bersekolah di sekolah-sekolah Melayu yang sudah mencapai jumlahnya 24 buah seluruh negeri. Sikap negatif para ibu bapa terhadap pendidikan formal merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada munculnya gejala ini. (BAR, 1947:20; BAR, 1949:30)

Masalah kehadiran ini juga berlaku di kalangan murid-murid di Kampong Air. Bagi mengatasinya kerajaan telah membina sebuah sekolah di tengah-tengah kampung ini yang terletak di antara Kampong Lorong Sikuna dengan Kampong Saba pada tahun 1953. Sekolah pertama di kawasan ini yang mempunyai 170 murid dikenali sebagai Sekolah Melayu Lela Menchanai (SMLM). Legenda seorang puteri di zaman pemerintahan Sultan Bolkiah (1485 -1524). (Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Haji Yusop bin Haji Awg Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. 2014: 46-7)

Selain itu kerajaan juga berhadapan dengan masalah menyediakan pendidikan Inggeris di negara ini. Skim penghantaran murid-murid Brunei ke sekolah Inggeris Labuan yang sudah bermula pada tahun 1929 telah dihentikan kerana sekolah ini telah musnah semasa perang. Oleh kerana memikirkan pendidikan ini penting bagi masa depan kerjaya murid-murid Brunei, maka masyarakat Melayu telah menyuarakan kepada kerajaan supaya menubuhkan sebuah sekolah Inggeris kerajaan. Majoriti masyarakat Melayu tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Misi yang ditubuhkan sejak tahun 1931. Mereka takut anak-anak mereka akan terpengaruh dengan Ugama Kristian kerana sekolah ini dikendalikan oleh badan ugama ini. Selain itu sekolah ini bukan sekolah percuma. Hanya segelintir ibu bapa, terutama yang berkemampuan dari segi kewangan dan mempunyai kesedaran pentingnya pendidikan Inggeris, yang bersedia menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Misi pada ketika itu. Pada tahun 1951, dari 863 orang pelajar yang berdaftar di sekolah-sekolah Misi seramai 168 orang dikalangan anak-anak Melayu. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Haji Yusop bin Haji Awg Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. 2014: 48-9)

Meskipun kemasukan anak-anak Melayu ke sekolah-sekolah Misi dalam kadar yang minima, namun senario ini mengundang rasa bimbang di kalangan masyarakat Melayu. Kekhuatiran muncul kerana pada akhirnya kemasukan anak-anak Melayu ke

sekolah ini akan semakin banyak lantaran sekolah ini hanya satu-satunya yang menyediakan pendidikan Inggeris di Brunei. Lagipun masyarakat di negara ini termasuk masyarakat Melayu dari ke masa menyedari kepentingan pendidikan Inggeris kepada anak-anak mereka dalam melanjutkan pelajaran dan mendapat pekerjaan yang lebih baik. Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku salah seorang pembesar Brunei, Pengiran Digadong Pengiran Anak Haji Mohamad Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohammad¹, berjawatan Kadi Besar dan juga salah seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri, telah beberapa kali membangkitkan isu kemasukan anak-anak Melayu ke Sekolah Misi semasa majlis bersidang. Beliau tidak hanya menyuarakan rasa bimbang tetapi mencadangkan jalan penyelesaian terhadap isu ini supaya kerajaan menubuhkan sebuah Sekolah Inggerisnya sendiri. Dengan itu boleh memberi peluang lebih ramai anak-anak Melayu untuk mengikuti pendidikan Inggeris tanpa bergantung kepada Sekolah Misi. (Minutes of the State Council Meetings, 1946 & 1947)

Akhirnya pandangan ini diterima oleh pihak berkuasa Brunei apabila sebuah Sekolah Inggeris Kerajaan ditubuhkan di Bandar Brunei pada bulan Oktober 1951. Apabila sekolah ini berpindah ke bangunan kekalnya pada tahun 1955, ia telah dinamakan sebagai Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien (MSOAS) sempena nama Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (1950 – 1967). Nama baginda wajar diabdikan kepada Sekolah Inggeris Kerajaan yang pertama kerana baginda memainkan peranan ke arah penubuhan sekolah ini. Lagipun jika mengikut arura masyarakat Brunei sebagai mengambil sukut baik dan berkat baginda jua. Pengambilan pertama murid sekolah ini terdiri daripada enam orang lelaki dan tiga orang perempuan yang terpilih dari Sekolah Melayu Bandar Brunei. Pada tahun 1952, sebuah lagi Sekolah Inggeris Kerajaan dibuka di Seria, daerah Belait dengan keramaian 17 orang murid lelaki dan tujuh orang perempuan (BAR 1951: 34; Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Haji Yusop bin Haji Awg Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. 2014: 49-50). Sekolah yang kemudiannya dikenali sebagai Maktab Anthony Abell.²

Dalam pada itu, sekolah-sekolah Inggeris swasta yang ditubuhkan oleh Syarikat Petroleum Malaya British (*British Malayan Petroleum Company* atau BMPC) dan Misi Roman Katholik serta sekolah Cina juga berkembang pesat selepas perang. Sekolah Inggeris Kuala Belait milik BMPC sebelum perang telah diambilalih oleh Misi Roman Katholik kerana masalah mendapatkan guru. Ini telah menjadikan tiga buah sekolah Inggeris swasta seluruh negeri di bawah pengendalian Badan Kristian, iaitu masing-masing sebuah di Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait. BMPC pula mendirikan sebuah sekolah khusus untuk mengajar anak-anak pegawainya dari Eropah yang dikenali sebagai *Senior Staff School*, di Seria. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Haji Yusop bin Haji Awg Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. 2014: 50-1)

¹ Gelaran Wazir sebagai Yang Teramat Mulia Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Anak Haji Md Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohammad

² Anthony Abell menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei dari 1950 hingga 1959.

Semua sekolah di bawah Misi Roman Katholik didaftarkan di bawah Undang-undang Pendaftaran Sekolah, 1939 dan menerima sedikit bantuan kewangan dalam bentuk *grants-in-aid* daripada pihak kerajaan. Bagi dua buah sekolah Misi yang terletak di Kuala Belait dan Seria juga menerima bantuan kewangan daripada BMPC kerana sebilangan besar anak-anak kakitangan syarikat ini, khusus kaki tangan yang berasal dari kawasan Asia, menuntut di sekolah-sekolah ini. (BAR, 1949:33) Pada tahun 1948 terdapat seramai 471 orang murid termasuk 165 orang perempuan di ketiga-tiga buah sekolah Misi Roman Katholik itu. Sekolah ini terus mendapat sambutan seiring dengan perkembangan industri dan pembangunan Brunei yang mengimpot ramai kaki tangan British dan Barat baik dalam sektor swasta mahupun sektor awam. Hal ini jelas menjelang tahun 1951 keramaian ini telah bertambah kepada 863 orang iaitu 556 orang lelaki dan 287 orang perempuan. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Haji Yusop bin Haji Awg Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. 2014: 50-1)

Manakala itu sebelum Perang Dunia Kedua berlaku terdapat lima buah Sekolah Cina di Brunei. Pada tahun 1947 masyarakat Cina di Labi membuka semula Sekolah Cina yang telah didirikan pada tahun 1926 tetapi telah ditutup dua tahun kemudian kerana kekurangan pelajar. Ini diikuti dengan pembinaan sebuah Sekolah Cina Bangar Temburong pada tahun 1950 dan sebuah lagi di Kiudang pada tahun 1952. Ini bermakna sehingga tahun ini sudah terdapat tujuh buah Sekolah Cina kesemuanya di seluruh negeri dengan keramaian muridnya 1,530 orang termasuk 598 orang perempuan. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Haji Yusop bin Haji Awg Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. 2014: 51-2)

Sejak tahun 1939 semua Sekolah Cina diwajibkan untuk didaftarkan di bawah undang-undang khas sama seperti Sekolah Misi. Bagaimanapun pada tahun 1957, satu undang-undang baharu mengawal sekolah-sekolah swasta termasuk Sekolah Cina telah digubal dan dilaksanakan. Kemunculan undang-undang baharu ini ada kemungkinan mempunyai kaitan dengan perkembangan pengaruh dan kegiatan Komunis di Asia Tenggara yang dipelopori oleh Republik Rakyat China. Perkembangan ini membimbangkan kerajaan kerana ditakuti pengaruh Komunis akan menyusup masuk melalui Sekolah Cina. Hal ini jelas apabila kerajaan bersetuju menambah bantuan kepada Sekolah Cina, namun dalam masa yang sama memperketatkan beberapa peraturan yang mesti dipatuhi. Menurut undang-undang ini kerajaan bersedia membantu sekolah ini hingga 50% bagi membiayai gaji guru dan pentadbiran. Manakala itu 50% lagi untuk dana pembangunan. Bagaimanapun, sebagai imbalan dari bantuan ini semua Sekolah Cina dikehendaki mematuhi undang-undang yang telah diluluskan oleh kerajaan. Mereka mesti menyerahkan senarai nama-nama ahli-ahli lembaga pengurus dan guru-guru sekolah ini kepada kerajaan. Selain itu pihak kerajaan mempunyai hak untuk melantik 50% dari ahli lembaga pengurus sekolah ini. Bagi memastikan undang-undang ini dipatuhi, seorang nazir khas dilantik bagi menjalankan tugas pemantauan dan pemeriksaan ke atas sekolah-sekolah Cina. Bagaimanapun mulai pada 1 Januari 1970 semua bantuan kerajaan kepada Sekolah Cina telah ditiadakan kerana sekolah-sekolah ini sudah dianggap mempunyai keupayaan dari segi kewangan. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Haji Yusop bin Haji Awg Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. 2014: 51-2)

KEMUNCULAN DASAR-DASAR PENDIDIKAN

Sungguhpun dasar pendidikan sebelum tahun 1954 tidak pernah dikeluarkan secara rasmi dan jelas oleh pihak kerajaan, ia masih boleh dikesan menerusi pelaksanaan pada ketika itu. Dalam erti kata yang lain sebenarnya sudah wujud dasar pendidikan tetapi pihak kerajaan di bawah pentadbiran Residen British tidak mahu menyatakan secara rasmi pada masa itu. Perkara ini tidak perlu diberigakan lantaran pentadbiran Residen mempunyai agenda tersorok. Mereka tidak mahu kelemahan-kelemahan yang ada pada sistem pendidikan Brunei itu khasnya Sekolah Melayu akan terdedah dan mendatangkan bantahan di kalangan masyarakat Brunei terutama di kalangan golongan terpelajar. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail.2006:27-8)

Kelemahan pada sistem pendidikan pada ketika itu begitu ketara ke atas pendidikan Sekolah Melayu yang hanya bagi membolehkan anak-anak Melayu Brunei supaya pandai membaca dan menulis dalam huruf rumi. Tidak ada yang diajarkan kepada kanak-kanak Melayu melainkan untuk mewarisi kerjaya orang tua mereka sama ada sebagai nelayan mahupun petani. Matlamat pendidikan seperti ini sama seperti yang dilakukan lebih awal di Tanah Melayu. Oleh itu kelas paling tinggi bagi Sekolah Melayu pada ketika itu hanyalah Darjah 6. Bagaimanapun oleh kerana kekurangan tenaga pengajar kebanyakan sekolah cuma mampu mengadakan setakat Darjah 5 sebagai kelas tertinggi. Oleh itu lulusan dari Sekolah Melayu hanya sesuai untuk menyandang jawatan-jawatan rendah seperti guru, kerani dan budak pejabat. Mungkin juga boleh menjadi petani atau nelayan yang celik huruf. Dari matlamat ini jelas ia suatu sistem pendidikan menyekat peluang generasi muda Brunei untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat institut pengajian tinggi. Lantaran itu masa depan mereka untuk mendapatkan berbagai bidang ilmu dan kepakaran bagi sama-sama menyumbangkan tenaga dalam pembangunan Brunei ternyata sirna.

Residen British selaku pentadbir pada ketika sedar, jika generasi muda Brunei didedahkan dengan pendidikan tinggi, mereka ini bakal menjadi tenaga penggerak kepada perubahan pemikiran masyarakatnya. Pada akhirnya akan wujud kebangkitan dan gerakan penentangan kepada pentadbiran British di Brunei. Hal ini telah menjadi iktibar kerana penentangan yang berlaku di tanah-tanah jajahan British dipelopori oleh golongan intelek ini. Kebangkitan seperti ini sudah tentu mengugat kepentingan British di Brunei. Inilah yang dikatakan sebagai wujudnya agenda tersirat.

DASAR PENDIDIKAN 1954

Brunei boleh dikatakan telah memiliki dasar pendidikan secara rasmi apabila Jabatan Pelajaran mengeluarkan pada tahun 1954. Kewujudan dasar ini ekoran dari pemerintahan Sultan Omar 'Ali Saifuddein Sa'adul Khairi Waddien melaksanakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun pertama (1953 – 1958).³ Oleh yang demikian salah

³ Rancangan kemajuan ini diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada bulan Julai 1953 dengan peruntukan kewangan sebanyak \$100 juta. Matlamat utama rancangan ini untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial sesuai dengan perubahan taraf hidup yang dialami oleh rakyat Brunei.

satu komponen penting dalam rancangan ini ialah bidang pendidikan. Perancangan untuk memajukan lapangan pendidikan pada masa itu amat diperlukan memandangkan Brunei masih kekurangan golongan terpelajar dan profesional dalam berbagai bidang. Tenaga mereka benar-benar diperlukan bagi menyumbang ke arah pembangunan negara. Ekoran dari kekurangan inilah juga menjadi alasan kuat kepada Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien untuk menolak Brunei mencapai kemerdekaan lebih awal dari British, meskipun mendapat desakan kuat dari rakyat pada ketika itu. Selain itu terdapat tuntutan dari orang ramai supaya Brunei mewujudkan satu sistem pendidikan yang baharu dan teratur. Masyarakat Brunei pada masa itu boleh dikatakan sudah mempunyai kesedaran betapa perlunya memberikan pendidikan formal kepada generasi muda. Kesedaran ini begitu menyerlah selepas Perang Dunia Kedua tamat. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail.2006:28-9)

Oleh itulah Jabatan Pelajaran sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menangani hal ehwal pendidikan Brunei telah mengeluarkan dan menjelaskan bentuk dan sistem pendidikan yang dipraktikkan sejak tahun 1914 di negara ini. Penjelasan ini boleh dianggap sebagai dasar pendidikan rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan. Dasar Pendidikan 1954 menyatakan bahawa kerajaan menyediakan pendidikan percuma kepada semua anak-anak Melayu bermula dari umur enam tahun. Mereka boleh belajar sama ada di Sekolah Melayu, Inggeris atau Vokasional. Di Sekolah Melayu, mereka boleh meneruskan pelajaran sehingga Darjah 6. Mana-mana murid dari sekolah ini ingin memasuki Sekolah Inggeris Kerajaan, mereka perlu menduduki peperiksaan khas calon ke sekolah tersebut. Apabila mereka berjaya memasuki Sekolah Inggeris Kerajaan, mereka akan belajar sehingga Tingkatan 3. Mana-mana pelajar yang mempunyai prestasi baik dalam pelajaran di sekolah ini akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran hingga ke institusi pengajian tinggi di luar negeri.(Padmore, 1954:3)

Manakala itu anak-anak Brunei yang berminat dalam lapangan pendidikan teknikal dan vokasional akan dihantar belajar ke Sekolah Pertukangan Syarikat Minyak Shell di Seria. Pada masa itu kerajaan belum menubuhkan sekolah seperti ini. Bagaimanapun dalam pendidikan ini masalahnya anak-anak Brunei kurang berjaya dalam pendidikan vokasional kerana ia dijalankan dalam Bahasa Inggeris. Dasar Pendidikan 1954 ini juga menyediakan kelas-kelas membenteras buta huruf bagi orang-orang dewasa. Sekolah Misi dan Cina bergerak secara bersendirian dan mendapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan. Apa yang jelasnya dasar pendidikan 1954 ini hampir sama dengan apa yang telah berlaku di Tanah Melayu yang mengamalkan sistem berbagai aliran dalam pendidikannya. Bagaimanapun yang berbeza dengan negara tersebut Brunei tidak memiliki sekolah beraliran Tamil. Hal ini berlaku kerana masyarakat India tidak ramai di Brunei. (Padmore, 1954:3)

Dasar Pendidikan 1954 ini tidak hanya mendapat perhatian daripada orang ramai dan sasaran kritikan parti-parti politik, bahkan ia menjadi isu hangat dibahaskan dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Pada tahun 1962, salah seorang ahli majlis yang mewakili pihak pembangkang mengusulkan supaya kerajaan merangka dan membentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur asing. Syor ini telah mendapat bantahan daripada wakil kerajaan kerana menganggap Brunei telah pun

mempunyai dasar pendidikan tersendiri. Jika dasar ini dirombak ia akan menambah beban kerajaan. Pegawai Pelajaran yang diwakili oleh seorang pegawai British, dalam hujahnya menyanggah syor tersebut mengatakan bahawa sistem pendidikan Brunei sudah mencapai kemajuan kerana sekolah telah banyak didirikan. Pelajar juga semakin ramai yang dihantar keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran.

Kenyataan ini tidak dinafikan, namun gambaran banyak sekolah sudah didirikan dan sudah ramai anak-anak Brunei menjejakkan kaki ke alam persekolahan memang mencerminkan sebahagian dari kemajuan sesuatu sistem pendidikan. (Penyata rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei. 1962; Pelita Brunei. 1962). Bagaimanapun tanda aras kemajuan juga perlu diukur melalui sudah berapa ramai anak-anak Brunei yang memiliki pendidikan tinggi atau yang telah melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti. Walhal pada masa itu taraf pendidikan Sekolah Melayu masih terbatas di peringkat pendidikan rendah. Akhirnya resolusi ini ditolak kerana tidak mendapat undi majoriti dalam majlis.

Ironiknya pada tahun 1962 ini juga kerajaan sebenarnya telah merancang untuk mewujudkan satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baharu. Ini menunjukkan pemikiran dari ahli parti pembangkang itu mendapat perhatian dari kerajaan. Dasar pendidikan yang baharu perlu dibentuk kerana kerajaan bimbang terhadap pengaruh Parti Rakyat Brunei telah meresapi sebahagian rakyat Brunei ketika itu. Pendidikan telah menjadi isu dan agenda perjuangan parti ini untuk meraih sokongan orang ramai. Sudah menjadi lumrah salah satu ciri gerakan nasionalisme, selain mendapatkan kemerdekaan dari tangan penjajah akan diikuti pula usaha untuk menghidupkan kembali warisan budaya tempatan, di antaranya ialah memertabatkan bahasa kebangsaan. (Sufean Hussin. 2002:134; Ramanathan.1985:1) Jadi untuk membendung pengaruh ini kerajaan memikirkan perlunya dibentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baharu bagi memenuhi kehendak rakyat. Selain itu perjuangan menobatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dari menjadi bahasa terpinggir sedang hangat dilakukan di Tanah Melayu pada masa itu. Bahang perjuangan ini telah mempengaruhi masyarakat Brunei terutama di kalangan guru-guru Melayu untuk sama-sama meningkatkan kedudukan bahasa ini. (Ramanathan.1985:36-40).

LAPORAN AMINUDDIN BAKI DAN PAUL CHANG

Kerajaan Brunei telah mengundang dua pakar pendidikan dari Tanah Melayu pada tahun 1959, iaitu Aminuddin Baki dan Paul Chang. Mereka ditugaskan untuk mengkaji pelaksanaan sistem pendidikan Brunei. Hasil kajian ini dikenali sebagai "Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang 1959". Salah satu cadangan laporan ini supaya kanak-kanak daripada semua bangsa disatukan di bawah satu Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sistem ini dijangka boleh menjadi wadah perpaduan kepada semua lapisan rakyat yang terdiri dari berbilang kaum, keturunan dan ugama. Aspek ini disarankan kerana penyelidik-penyelidik ini mendapati sistem pendidikan Brunei pada masa itu dilaksanakan dalam aliran bahasa yang berlainan. (Aminuddin Baki & Paul Chang.1959: 12-3).

Laporan ini juga mengemukakan pandangan agar sistem pendidikan Brunei mengarah ke arah mengeluarkan tenaga manusia Brunei berpendidikan tinggi dan berkemahiran. Ia amat diperlukan dalam berbagai bidang seperti pentadbiran, perdagangan, perindustrian dan sebagainya. Hal ini disarankan kerana mereka mendapati sistem pendidikan yang ada berciri menekan dan berhanyut tanpa ada tujuan yang jelas. Ia tidak menampakkan untuk melahirkan generasi muda Brunei yang bakal memiliki kepakaran dalam berbagai bidang. Sedangkan perkara ini dikehendaki oleh setiap negara membangun seperti Brunei. (Aminuddin Baki & Paul Chang, 1959: 12-3).

DASAR PENDIDIKAN NEGARA 1962

Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, kemudiannya telah dinilai dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Mengkaji Pelajaran Brunei. Akhirnya jawatankuasa ini berjaya mengeluarkan satu dasar pendidikan baharu yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Negara pada 31 Oktober 1962. (Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei, 1972:1) Oleh kerana kandungan dasar baharu ini diserap dari Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, maka matlamat utama pendidikan dalam dasar baharu ini sama dengan tujuan yang dikemukakan dalam laporan tersebut.

Dasar Pendidikan Negara 1962 boleh dikatakan dasar pelajaran pertama bagi Brunei yang paling jelas kandungan dan matlamatnya berbanding dengan Dasar Pendidikan 1954. Di antara perkara baharu dalam dasar ini ialah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah Brunei. Ia juga mahu menyatukan sekolah-sekolah yang berlainan aliran bukan sahaja menjadi satu aliran, malahan menyatukan sistem pendidikan dan kurikulumnya. Dasar ini juga mahu agar peluang mengikuti pendidikan formal diberikan kepada semua lapisan rakyat Brunei tanpa menghadkan hanya satu kaum, seperti mana Dasar Pendidikan 1954 yang cuma membataskan kepada anak-anak Melayu. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail, 2006: 35) Dasar Pendidikan Negara 1962 ini juga mencadangkan supaya pendidikan menjadi wadah memupuk nilai-nilai jati diri generasi muda yang taat kepada Sultan dan negara.

Sungguhpun Dasar Pendidikan Negara 1962 telah dibentuk, namun sebahagian kandungannya menghadapi masalah untuk direalisasikan ke dalam sistem pendidikan Brunei pada ketika itu. Salah satu sebab kegagalan dasar ini ialah berlaku Revolusi 1962 yang dicetuskan oleh Parti Rakyat Brunei pada 8 Disember 1962. Apabila pemberontakan berlaku huruhara tidak dapat dielakkan. Sementara itu ada sekolah telah digunakan oleh pasukan tentera sebagai markas dan pusat tahanan kepada ahli pemberontak yang ditangkap. Implikasinya operasi pendidikan di Brunei terancat. Sementara itu jentera pentadbiran kerajaan pula perlu memfokus perhatian kepada memulihkan keamanan.

Peranan Malaysia kepada masalah pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 juga tidak boleh dinafikan. Ia berkaitan dengan langkah Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mengutarakan cadangan kepada kerajaan Sarawak, Brunei dan Sabah pada bulan Mei 1961 untuk bergabung di bawah gagasan Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan. Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien meneliti dengan berhati-hati cadangan ini, biarpun baginda mengatakan pada dasarnya Brunei bersetuju untuk menyertai Malaysia, jika dasar persekutuan itu bersesuaian dengan kehendak Brunei dan boleh mendatangkan faedah. (Mohamad Abu Bakar.1981: 117; Pelita Brunei. 1961).

Pemimpin Sarawak dan Sabah bersetuju untuk menyertai gagasan Malaysia, tetapi akhirnya Brunei menolaknya pada 9 Julai 1963. Berbagai teori telah dikemukakan oleh para pengkaji sejarah, mengapa Brunei menolak tawaran tersebut? Ada yang mengatakan jawatan Yang Dipertuan Agung tidak ditawarkan kepada Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Oleh itu baginda berkecil hati. Ada pula berpendapat Malaysia terlalu tinggi meminta bayaran tahunan kepada Brunei iaitu sebanyak \$60 juta setahun untuk diberikan kepada kerajaan pusat. Minyak Brunei juga akan menjadi milik kerajaan pusat setelah sepuluh tahun bergabung dalam Persekutuan Malaysia. Tidak kurang pula mengatakan adanya pengaruh British. Apabila Brunei menolak untuk menyertai Malaysia, maka Tunku Abd Rahman merasa marah dan bertindak balas menarik balik pegawai-pegawai dan guru-guru Malaysia yang diperbantukan untuk berkhidmat di Brunei. Kesan dari penarikan ini pentadbiran awam Brunei menghadapi kemelut. (Mohamad Abu Bakar.1981: 117)

Bagi menyelesaikan masalah pentadbiran awam Brunei, Sultan meminjam pegawai-pegawai British untuk mengambil alih jawatan pegawai-pegawai Malaysia yang telah dikosongkan. Kehilangan pegawai-pegawai dan guru-guru dari Malaysia ini menyebabkan Brunei bukan sahaja berhadapan dengan hambatan pentadbiran awam tetapi juga mengalami kesulitan untuk melaksanakan Dasar Pendidikan Negara 1962. Pada saat ini bantuan Malaysia sangat perlukan bagi merealisasikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di negeri ini. Kedudukan bahasa ini semakin rumit apabila pegawai-pegawai British yang berkhidmat di Brunei semakin ramai. Dalam melaksanakan perkara ini juga Brunei tidak hanya memerlukan tenaga pengajar bahkan sistem peperiksaan, kurikulum, buku-buku teks juga memerlukan kerjasama erat dari Malaysia. Negara ini dilihat lebih berpengalaman dan ke hadapan berbanding dengan Brunei.

Sementara itu Brunei tidak mahu mengikut sistem pendidikan Indonesia kerana masalah bahasa dan istilah yang jauh berbeza dengan negara ini. Tambahan pula pada ketika itu kerajaan masih rasa terkilan dengan sikap Indonesia yang terang-terangan mengulurkan sokongan kepada Parti Rakyat Brunei yang mencetuskan revolusi. Brunei juga merasa kurang senang dengan negara tersebut apabila Syeikh Azahari, pengerusi Parti Rakyat Brunei diberikan perlindungan. Jadi pada masa itu hubungan Brunei dengan Indonesia berada dalam situasi kurang mesra. Oleh itulah pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 mengalami masalah terutama bagi menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

DASAR PENDIDIKAN 1972

Setelah kegagalan Dasar Pendidikan Negara 1962, maka Brunei telah membentuk sebuah Suruhanjaya Pelajaran yang baharu pada bulan Mei 1970. Pada masa ini Brunei

berada di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang telah naik tahta pada tahun 1967. Suruhanjaya ini diamanahkan untuk meneliti keadaan sistem pendidikan Brunei dengan maksud akhirnya membentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang lengkap, sesuai dengan cita-cita, kepentingan dan perkembangan ekonomi serta kedudukan rakyat Brunei. Hasil kajian ini, suruhanjaya telah mengeluarkan satu dasar pendidikan yang baharu pada tahun 1972. (Haji Awg Asbol bin Haji Mail. 2006: 37)

Kemunculan Dasar Pendidikan 1972 ini bukan sahaja berpunca dari masalah melaksanakan Dasar Pendidikan Negara 1962, kemungkinan besar juga ada hubungan dan pengaruhnya dengan peristiwa rusuhan kaum di Malaysia. Tragedi ini berlaku pada 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Kesan rusuhan ini kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan tegas dengan melancarkan Dasar Ekonomi Baharu dan penyusunan semula masyarakat. Kerajaan juga melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan pada bulan Julai 1969. Tujuan utama dasar ini untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah beraliran Inggeris, Cina dan Tamil. Pada tahun 1970 pula kerajaan Malaysia menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. (Sufean Hussin. 2002: 159). Dasar-dasar ini dibentuk semata-mata untuk mempupuk perpaduan kaum ke atas masyarakat Malaysia yang berbilang etnik. Kerajaan telah memikirkan bahawa tungguk utama ke arah perpaduan ini ialah dengan menyemai bibit-bibit perpaduan melalui penubuhan dasar pendidikan dengan Bahasa Melayu sebagai terasnya.

Kewujudan Dasar Pendidikan 1972 berkaitan dengan pengaruh peristiwa 13 Mei 1969 di Malaysia kerana persoalannya mengapa Brunei baru membentuk Suruhanjaya Pelajaran pada tahun 1970, iaitu selepas tragedi tersebut? Mengapa pihak kerajaan tidak mengkaji sistem pendidikan pada tahun 1972 sepertimana biasanya kajian terhadap perubahan dasar pendidikan sesebuah negara dilakukan setiap sepuluh tahun. Kajian juga mungkin boleh dibuat lebih awal dari masa ini, umpamanya pada tahun 1968 atau 1969 kerana dalam tempoh ini suasana politik dan sosiekonomi Brunei berada dalam keadaan mantap sebaik-baik sahaja Revolusi 1962 berjaya dipatahkan. Oleh itu ada kemungkinan kerajaan Brunei mengambil pengajaran dari peristiwa 13 Mei ini agar tidak terjadi di bumi Brunei, makanya dibentuk dasar pendidikan yang baharu. Dasar ini menekankan satu sistem pendidikan dan satu kurikulum bagi semua sekolah. Menerusi dasar ini dijangka semangat perpaduan kaum boleh dijana dan diperkukuhkan sejak di bangku sekolah lagi.

Pada asasnya kandungan Dasar Pendidikan 1972 tidak banyak berbeza dengan Dasar Pendidikan Negara 1962. Dalam kedua-dua dasar tersebut menekankan supaya Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah Brunei, menyatukan sistem pendidikan, memenuhi keperluan tenaga manusia dan melahirkan generasi yang taat dan setia kepada Sultan dan negara. Perbezaan yang jelas antara kedua-dua dasar ini ialah Dasar Pendidikan 1972 cuba menonjolkan pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran penting untuk diajarkan di sekolah-sekolah. Hal ini juga mungkin ada kaitan dengan apa yang berlaku di Malaysia kerana pada waktu itu kebangkitan Islam sebagai

pegangan hidup utama umat Islam sedang giat diperjuangkan oleh sebahagian masyarakat Islam di negara tersebut. (Mohamad Abu Bakar. 1986: 184-5)

Kalau pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 digagalkan oleh peristiwa penolakan Brunei untuk memasuki Persekutuan Malaysia, maka peristiwa yang ada hubungan dan pengaruh Malaysia juga memainkan peranan salah satu punca kegagalan Dasar Pendidikan 1972 untuk dilaksanakan. Pada saat-saat Dasar Pendidikan dilancarkan hubungan Brunei dan Malaysia berada dalam keadaan kritikal. Sedangkan Brunei pada masa itu amat memerlukan bantuan dari Malaysia untuk menjayakan Dasar Pendidikan 1972. Brunei memerlukan Malaysia dalam bentuk tenaga pengajar, buku-buku teks dan sistem peperiksaan sebagaimana yang berlaku ke atas Dasar Pendidikan 1962.

Hubungan kurang mesra ini berlaku apabila beberapa orang bekas pemimpin Parti Rakyat Brunei berjaya melarikan diri dari tahanan dengan bantuan wadar penjara Malaysia yang berkhidmat di Brunei. Dalam pada itu terdapat lagi beberapa orang pelajar Brunei melakukan kegiatan menentang kerajaan melarikan diri ke Malaysia. Mereka telah mendapat dokongan kerajaan Malaysia. Peristiwa ini telah menimbulkan ketegangan hubungan antara kedua-dua negara. Brunei pula bertindak balas dengan menarik balik pelajar-pelajarnya yang sedang menuntut di Malaysia. Para pelajar telah menjadi mangsa kerana ada di antaranya saat-saat mereka menduduki peperiksaan akhir juga diarahkan untuk balik ke Brunei. Penarikan balik ini dilakukan kerana kerajaan Brunei bimbang mereka akan dipengaruhi oleh Malaysia bagi bangun menentang kerajaan. (Ranjit Singh. 1984: 203; Leake.1990: 57-6).

Dengan penarikan ini, maka ia menimbulkan masalah secara langsung kepada pelaksanaan Dasar Pendidikan 1972 yang mahu menjadi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Selain itu peluang untuk pelajar beraliran Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Malaysia yang mempunyai sistem pendidikannya pengantar bahasa Melayu telah tertutup. Senario ini telah mendorong ramai pelajar aliran Melayu menamatkan persekolahan mereka sama ada setakat tingkatan lima atau tingkatan enam. Mereka memilih untuk memasuki alam pekerjaan seperti menjadi guru, kerani dan lain-lain jawatan rendah di jabatan-jabatan kerajaan atau swasta. Sedangkan ada di kalangan mereka masih berminat dan mempunyai potensi untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti. Apa yang jelasnya Dasar Pendidikan 1962 dan 1972, selain masalah dalaman menjadi hambatan kepada proses perlaksanaannya tetapi juga melibatkan kuasa luar terutama Malaysia.

DASAR PENDIDIKAN DWIBAHASA 1984

Berikutan dengan kegagalan dasar Pendidikan 1972 ini, maka kerajaan perlu lagi mengwujudkan dasar pendidikan baharu yang sesuai dengan perkembangan dan perubahan sosioekonomi masyarakat Brunei, lebih-lebih lagi saat Brunei sudah mencapai kemerdekaan penuh dari tangan British pada tahun 1984. Dengan yang demikian pada 9 April 1984 kerajaan secara rasmi mengisytiharkan satu dasar

pendidikan baharu yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa atau Dasar Dwibahasa. (Pelita Brunei.1984).

Secara umumnya tujuan utama Dasar Dwibahasa tidak banyak bezanya dengan apa yang terkandung dalam Dasar Pendidikan 1972. Contohnya penyatuan sistem pendidikan dari segi kurikulum, peperiksaan dan penerapan nilai-nilai Islam. Bagaimanapun perbezaan yang ketara pada dasar ini dengan Dasar Pendidikan 1972 ialah penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan Brunei. Menurut dasar ini murid-murid dari peringkat tadika hingga ke darjah tiga, semua mata pelajaran akan diajarkan dalam Bahasa Melayu, kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris. Manakala itu bermula dari darjah empat, maka pelajar ini akan mula mengikuti pelajaran dalam semua mata pelajaran dalam Bahasa Inggeris kecuali mata pelajaran Ugama Islam, Lukisan dan Pendidikan Jasmani. Penggunaan Bahasa Inggeris begitu ditekankan terhadap dasar ini adalah disebabkan keinginan kerajaan supaya rakyat asli negara ini dapat menguasai bahasa ini dengan baik. Bahasa ini dilihat bukan sahaja sebagai bahasa antarabangsa tetapi ia juga penting dalam pentadbiran dan industri minyak Brunei.

Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama dalam dasar ini kerana keinginan kerajaan supaya rakyat asli negara ini dapat menguasai bahasa ini dengan baik di samping Bahasa Melayu. Generasi ini muda negara ini akan tertinggal dari segi ilmu berbanding dengan generasi lain yang memang sudah sedar perlunya Bahasa Inggeris. Bahasa ini perlu dikuasai oleh generasi muda Brunei kerana ia penting bukan sahaja ia sat bahasa antarabangsa tetapi juga amat diperlukan dalam pentadbiran negara dan industri terbesar Brunei iaitu minyak dan gas. Dengan makna lain Dasar Dwibahasa mempunyai maksud “political will.”

DASAR PENDIDIKAN SISTEM PENDIDIKAN NEGARA ABAD 21 (SPN 21)

Pemikiran untuk mewujudkan satu sistem pendidikan baharu bagi menggantikan sistem pendidikan sebelumnya diawali daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa acara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-19 pada 23 Febuari 2003 yang menitahkan;

“Pendidikan negara hendaklah menyediakan program-program yang dinamik dan melihat ke hadapan (*forward looking*) dalam menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berguna kepada industri dan lain-lain perkhidmatan dengan tidak mengabaikan nilai-nilai penting.” (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 1)

Titah ini mencerminkan bahawa sistem pendidikan negara yang ada, iaitu Dasar Pendidikan Dwibahasa sudah dilihat tidak dapat menyediakan program-program yang bersesuaian dengan kehendak negara yang sentiasa berkembang maju dalam bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi memenuhi permintaan sektor awam dan swasta.

Pada menyusuli titah ini, pada penghujung tahun 2005, dengan rombakan semua ahli-ahli kabinet dan penyerahan semula pentadbiran pendidikan ugama kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, maka Kementerian Pendidikan telah memfokuskan perhatiannya kepada pendidikan umum, teknikal dan pengajian tinggi. Tiga kategori perubahan telah diambil iaitu menyusun semula struktur organisasi ke arah menjadikan Kementerian Pendidikan lebih efisien dan berkesan. Kedua, merangka pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2007-2011 yang mengariskan beberapa hala tuju dalam tempoh lima tahun. Ketiga, membentuk Jawatankuasa Meneliti Semula Sistem Pendidikan Negara bagi mengkaji semula dan membuat pembaikan ke atas Sistem Pendidikan yang berjalan pada waktu tersebut. (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 1)

Hasil daripada penelitian jawatankuasa yang telah dilantik menunjukkan bahawa pendidikan yang sedang berjalan pada waktu itu belum dapat memberikan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh lepasan sekolah untuk persediaan mereka menceburkan diri dalam dunia pekerjaan, terutama dalam menghadapi arus globalisasi dan perkembangan ekonomi yang pesat di era teknologi maklumat (*Information and Communications Technology, ICT*). Oleh itu jawatankuasa telah mencadangkan supaya sistem pendidikan negara yang ada diperbaiki dan dihalusi serta disejajarkan dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2007-2011. Bagaimanapun pandangan ini disangkal oleh Yang Berhormat Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awg Abdul Aziz, Mantan Menteri Pendidikan, bahawa Dasar Dwibahasa sebenarnya masih sesuai. Dasar ini telah melahirkan ramai pelalar yang berkelulusan di peringkat ijazah dan mampu menguasai Bahasa Inggeris. Ini terbukti dengan peratus kelulusan Bahasa Inggeris di peringkat 'O' level adalah tinggi.

Dengan langkah ini telah melahirkan satu sistem pendidikan baharu yang dikenali sebagai "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21" atau nama pendeknya SPN21. Sistem pendidikan negara yang baharu ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkihah dalam titah baginda sempena Sambutan Hari Keputeraan Baginda yang ke-62 tahun pada bulan Julai 2008:

"Kita perlu mempunyai sistem pendidikan yang sentiasa relevan dengan tuntutan zaman. Kita tidak mahu tercicir di belakang sambil kebekuan membelunggu kita. Kerana itu Beta amat gembira bilamana Kementerian Pendidikan sedang mengemaskinkan Sistem Pendidikan Negara yang dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad 21 atau SPN21. Langkah ini wajar demi menyedari bahawa arus proses globalisasi tidak akan menunggu sesiapaupun" (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 1)

Bertolak dari titah ini, baginda telah melihat bahawa dalam arus perubahan globalisasi yang ligat ini, Negara Brunei Darussalam mestilah merangka satu sistem pendidikan yang bersesuaian, supaya warga negara yang lahir daripada sistem pendidikan tersebut tidak akan tercicir atau terkandas dalam sama-sama mengharungi arus perkembangan ini. Hal ini bertepatan dengan Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 iaitu bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran, berkualiti dan memiliki sumber

ekonomi dinamik dan berdaya tahan. (Kegemilang Pentadbiran Awam Negara Brunei Darussalam, 2003: 223).

DASAR PENDIDIKAN SPN21

Matlamat-matlamat utama yang terkandung dalam Dasar Pendidikan SPN21 ini (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 16-8) :

Pertama bagi memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran dalam perkembangan dan pembangunan ekonomi dan sosial di abad ke-21 ini.

Kedua, bagi merealisasikan visi dan misi Kementerian Pendidikan iaitu visinya untuk mewujudkan “Pendidikan berkualiti ke arah negara yang maju, aman dan sejahtera.” Sementara misinya “Untuk memberikan pendidikan yang holistik bagi mencapai potensi yang penuh bagi semua” .

Ketiga, mengembangkan kemahiran-kemahiran abad ke-21 terutama kemahiran-kemahiran asas seperti kemahiran berkomunikasi, mengira, teknologi maklumat, berfikir dan menyelesaikan masalah, pengurusan diri dan kompetitif, belajar dan bekerja, sosial, fizikal dan estetika.

Keempat, untuk memenuhi lima Tema Strategik Kementerian Pendidikan 2007-2011 iaitu;

Pendidikan berkualiti ke arah pembangunan bangsa dan modal insan.

Pendidikan berkualiti melalui kurikulum seimbang, relevan, dinamik dan berbeza

Pendidikan berkualiti melalui sistem jaminan kualiti yang berwibawa berasaskan piawaian antarabangsa.

Profesionalisme dan laluan kerjaya yang jelas bagi pendidik

Sekolah kerajaan yang berkualiti dan bertahap tinggi dengan suasana pembelajaran yang kondusif dan mempunyai daya tarikan.

PELAKSANAAN

SPN21 telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Peringkat peralihan dilaksanakan pada tahun 2008 bagi kumpulan pelajar lulus Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun 2007 yang memasuki Tahun 7 atau Tingkatan 1 di peringkat menengah bawah. Sementara di peringkat rendah dilaksanakan pada tahun 2009 bagi pelajar Tahun 1 dan Tahun 4. Perlaksanaan SPN21 sepenuhnya di peringkat rendah dijangka bermula pada tahun 2011. (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 19)

Perlaksanaan SPN21 tersebut memperlihatkan dasar Kementerian Pendidikan yang sentiasa prihatin dan responsif terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan sama ada di peringkat serantau atau antarabangsa. Terdapat tiga perubahan utama bagi memastikan matlamat SPN21 tersebut tercapai iaitu menyusun semula struktur Sistem Pendidikan, Kurikulum dan Penilaian, dan Pendidikan Teknik.

MENYUSUN STRUKTUR SISTEM PENDIDIKAN

Dalam penstrukturan baharu ini, bermula dari sekolah rendah di peringkat prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur lima tahun. Dari umur enam tahun pelajar akan mengikuti enam tahun persekolahan di peringkat rendah. Semua pelajar pada tahap ini menggunakan kurikulum yang sama dan akan menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada penghujung Tahun 6. Pelajar yang memperolehi markah 5A akan disalurkan ke sekolah-sekolah sains. Sistem penahanan pelajar yang gagal dalam peperiksaan dalam penstrukturan ini ditiadakan kecuali dalam kes pelajar yang kurang kedatangannya ke sekolah kurang daripada 85%.. Pelajar yang terus mengikuti pelajaran hingga peringkat menengah. (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 19)

Pada peringkat rendah ini juga diwujudkan Program Pendidikan Khusus. Ia adalah bagi pelajar yang dikenalpasti mempunyai kecerdasan tinggi dan berbakat dalam pelbagai bidang umum dan tertentu. Kemasukan ke program ini dilakukan dengan dua cara. Pertama, di penghujung Tahun 3 bagi kemasukan ke Tahun 4 iaitu sebagai tahun pertama Program Berkecerdasan Tinggi dan Berbakat di peringkat rendah. Kedua, di penghujung Tahun 6 bagi kemasukan ke Tahun 7 iaitu sebagai tahun pertama Program Berkecerdasan Tinggi dan Berbakat peringkat menengah. Kurikulum bagi program ini mengandungi pembelajaran khusus di luar daripada apa yang disediakan dalam program persekolahan biasa. Kerangka kurikulum bagi pelajar berkecerdasan tinggi dan berbakat ini akan digabungkan ke dalam kurikulum utama akan tetapi penekanan lebih diberikan kepada memenuhi keperluan pelajar berkecerdasan tinggi dan berbakat secara merentas kurikulum di bidang kognitif, atektif, sosial dan estetika. (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 23)

Sementara itu pada peringkat menengah, struktur pendidikan yang baharu ini memastikan semua pelajar akan menamatkan lima tahun pendidikan menengah sebelum meneruskan ke pascapendidikan menengah atau menceburi alam pekerjaan. Hal ini selaras dengan dasar pemberian pendidikan sekurang-kurangnya 12 tahun kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Perubahan ini sekurang-kurangnya akan memberikan pelbagai laluan kepada pelajar untuk memilih program yang bersesuaian dengan kemampuan, minat, kecenderungan dan perkembangan diri mereka. Program-program adalah seperti berikut: (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 23-5)

Program pendidikan Menengah *General (Secondary General Education Programme)* - bagi pelajar yang menunjukkan kemampuan, minat dan kecenderungan terhadap mata pelajaran yang berbentuk akademik. Pelajar yang mengikuti program ini biasanya akan mengikuti pendidikan menengah selama lima tahun. Mereka akan diberikan penilaian pada Tahun 11 dengan menduduki peperiksaan *BC GCE 'O' (Brunei Cambridge General Certificate of Education Ordinary Level)*. Bagi pelajar yang berkemampuan tinggi dibolehkan untuk mengikuti pendidikan menengah tinggi dalam masa yang pendek iaitu selama empat tahun. Mereka akan menduduki peperiksaan *BC GCE 'O.'* pada Tahun 10. Dalam kedua-dua program berkenaan, pada dua tahun pertama semua pelajar akan mengikuti kurikulum yang sama.

Program Pendidikan Menengah *Applied (Applied Education Programme)* - bagi pelajar yang menunjukkan kemampuan, minat dan kecenderungan terhadap mata pelajaran yang

berorientasikan teknologi dan perdagangan. Pelajar akan didedahkan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan lebih banyak kerja praktikal dan *hand-on*.

Program berkeperluan khas – bagi pelajar yang dikenalpasti mempunyai masalah seperti kurang penglihatan dan pendengaran, tentangan mental dan fizikal serta mempunyai kesukaran pembelajaran yang spesifik. Pelajar yang berkeperluan khas disediakan sekolah inklusif iaitu satu dasar pendidikan yang menyediakan suasana pembelajaran yang bersesuaian, program pendidikan dan perkhidmatan sokongan yang memenuhi keperluan, umur dan peringkat pencapaian akademik yang berbeza. Mereka ditempatkan di sekolah umum bersama pelajar lain yang sebaya dengan mereka. Pelajar yang berkeperluan khas diberi peluang untuk berjaya dalam bidang akademik melalui pelbagai laluan pendidikan yang disediakan dalam SPN21. Program Berkeperluan Khas melaksanakan dua rancangan pendidikan iaitu Rancangan Pendidikan Pemulihan, dan Rancangan Pendidikan Perseorangan. Sebelum pelajar ditempatkan di sekolah inklusif, diagnostik perubatan akan didapatkan terlebih dahulu daripada Pusat Perkembangan Kanak-kanak Kementerian Kesihatan. Rancangan Pendidikan Pemulihan adalah bagi pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran terutama dalam kemahiran khas seperti membaca, menulis dan mengira. Manakala itu Rancangan Pendidikan Perseorangan bagi pelajar yang dikenalpasti sebagai berkeperluan khas tinggi yang mempunyai tentangan dari segi mental dan fizikal. Pelajar ini mempunyai permasalahan dari segi intelektual, penglihatan, pendengaran, pertuturan/bahasa, kelakuan yang kurang sesuai dan masalah Autistik/Asperger.

KURIKULUM

Modal Kurikulum PSN21 yang disediakan adalah bersifat meluas, seimbang, relevan, responsif, dan berbeza daripada sebelumnya iaitu mengikut keperluan pelajar demi memberi peluang untuk mereka meneruskan pelajaran. Kurikulum ini juga menyediakan ruang yang optima untuk pelajar mencapai kemajuan dan memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

SPN21 memberikan tumpuan kepada pelajar (*Student Centred*) yang menjadi sasaran utama kurikulum, menjadi fokus pengajaran dan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan, keupayaan dan gaya belajar setiap pelajar untuk membolehkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran secara berkesan. Pelajar diletakkan ditengah-tengah (titik atau bulatan tengah) jika kurikulum itu digambarkan sebagai sebuah bulatan seperti rajah yang tertara pada halaman berikut. Manakala lapisan kedua selepas bulatan tengah adalah pengetahuan dan kefahaman, kemahiran asas, sikap dan nilai. Penumpuan ini diharapkan untuk membina perkembangan individu secara menyeluruh dengan menekankan bidang utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan menyediakan peluang kepada individu untuk meningkatkan kekuatan dan kebolehan. (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 30-3)

Lapisan ketiga selepas lapisan kedua ialah Bahasa, Matematik, Sains, Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Kesenian dan Kebudayaan, Teknologi, Pengetahuan Ugama Islam, Melayu Islam Beraja dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Penumpuan kepada bidang-bidang ini diharapkan dapat memberikan ilmu

pengetahuan yang seimbang kepada pelajar dengan menyediakan pelbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman pembelajaran yang luas. Lapisan keempat di atas lapisan ketiga adalah Melayu Islam Beraja, Kemahiran Berfikir, Digital Literasi, Keusahawanan, Program Kemahiran Masyarakat dan Kokurikulum. Penumpuan kepada bidang-bidang ini diharapkan akan dapat membina perspektif dan kefahaman pelajar dengan menyediakan pelbagai kemahiran yang diintergrasikan secara merentas kurikulum. (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 30-3)



Rajah: Modal Kurikulum SPN21

Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN 21). 2009. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.

Mata-mata pelajaran yang ditawarkan di dalam SPN21 dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu mata pelajaran teras, mata pelajaran wajib, dan mata pelajaran elektif. Penawaran mata pelajaran dibuat mengikut peringkat tahun persekolahan. Misalnya Tahun 1 hingga Tahun 3, mata pelajaran teras ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, Pengetahuan Ugama Islam. Sementara mata pelajaran wajib pula ialah Pendidikan Jasmani, Kokurikulum, dan Seni Kreatif dan Teknologi (di bawahnya terdapat tiga modul iaitu modul 1 mengenai Teknologi Maklumat, modul 2 mengenai lukisan dan reka bentuk, dan modul 3 mengenai muzik dan Drama). Tahun 7 hingga Tahun 8, mata pelajaran terasnya tidak berubah, sementara mata pelajaran wajibnya ditambah Melayu Islam Beraja dan Keusahawanan dan Teknologi menggantikan mata pelajaran Seni Kreatif dan Teknologi. Bagi Tahun 9 hingga Tahun 10 atau Tahun 9 hingga Tahun 11 mempunyai mata pelajaran teras yang sama kecuali ditambah dengan mata pelajaran Fizik, Kimia, Biologi atau Sains Panduan. Mata pelajaran wajibnya pula adalah Melayu Islam Beraja, Pendidikan Jasmani dan Kokurikulum. Sementara mata pelajaran elektifnya, Kesusasteraan Melayu, Sastera Inggeris, Bahasa Arab, Perancis dan Mandarin. (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 30-3)

PENILAIAN

Penilaian pencapaian pelajar dalam pembelajaran sebelum SPN21 hanyalah berpandukan kepada keputusan peperiksaan atau *examination oriented* secara keseluruhan terutama peperiksaan akhir. Pendekatan seperti memberi impak kepada guru untuk mengulangkaji menggunakan kertas soalan peperiksaan yang lepas berbanding matlamat untuk memahami konsep-konsep tertentu yang penting untuk diperjelaskan dan difahamkan kepada pelajar. Hal ini berbeza dengan SPN 21 yang memusatkan pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar atau *student centered learning* sebagai satu pendekatan. Oleh yang demikian penilaian pencapaian atau kemajuan pelajar tidak hanya dinilai menerusi peperiksaan semata-mata tetapi ada dua kriteria penilaian yang diwujudkan iaitu Peperiksaan Kemajuan Pelajar dan Penilaian Kendalian Sekolah. Peperiksaan Kemajuan Pelajar menekankan terhadap mata pelajaran teras yang akan dikendalikan oleh Jabatan Peperiksaan dan lain-lain mata pelajaran akan dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Khas. Manakala bagi Penilaian Kendalian Sekolah pula akan dilihat dan dinilai melalui ujian, kerja rumah, kerja kelas, kerja amali, kerja di luar bilik darjah, kerja projek yang akan dikendalikan oleh pihak sekolah. Hasil dari penilaian ini akan menentukan pemilihan pelajar samaada disalurkan kepada Program Pendidikan Menengah *General* (4 tahun atau 5 tahun) atau Program Pendidikan Menengah *Applied* (5 tahun). (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 53 - 60)

PENDIDIKAN TEKNIK

Dalam SPN21, pelajar-pelajar dari pendidikan umum akan mempunyai peluang untuk mengikuti pendidikan teknikal dan vokasional melalui tiga peringkat. Peringkat pertama adalah Sijil Kemahiran Kebangsaan (*National Skill Certificate* atau NSC) yang setaraf dengan peringkat *National Diploma* (ND). Tempoh kursus NSC ini ialah tiga tahun termasuk enam bulan penempatan industri. Sijil ini akan mengukuhkan kedudukan *National Vocational Certificate* (NVC)/*National Trade Certificate* 3 (NTC3)/*National Trade Certificate* 2 (NTC2). Syarat kemasukan ke peringkat ini sekurang-kurangnya tamat Tahun 10/11.

Peringkat kedua ialah Diploma selama 3 tahun termasuk 5 bulan penempatan industri. Diploma ini akan mengukuhkan kedudukan *Pre National Diploma* (PND)/*National Diploma* (ND) dan *Higher National Diploma* (HND). Syarat kemasukan ialah sekurang-kurangnya mendapat 5 'O' atau 1 'A' atau kelulusan sebanding atau lulus NSC. Disamping itu pelajar juga hendaklah lulus *aptitude test* dan temuduga. Kelayakan Diploma ini adalah setaraf dengan peringkat HND.

Peringkat ketiga ialah Ijazah (sandwich) selama 4 tahun termasuk 1 tahun penempatan industri. Syarat kemasukan ialah sekurang-kurangnya mendapat 2 'A' atau kelulusan sebanding atau lulus Diploma dan lulus *aptitude test* serta temuduga. (*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN21*. 2009: 69 - 72).

MASALAH

Sebagai satu dasar pendidikan yang baharu, SPN 21 juga berhadapan dengan beberapa masalah dalam proses perlaksanaannya. Antara masalahnya, apabila SPN 21 mula dilaksanakan pada tahun 2008 pendidikan Ugama Islam tidak lagi menjadi mata pelajaran teras apabila pelajar memasuki ke peringkat menengah iaitu pada Tahun 9 hingga Tahun 11. Malahan ia hanya menjadi mata pelajaran pilihan yang digabungkan bersama mata pelajaran drama dan muzik. Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam Brunei. Tindakan ini kelihatannya bertentangan dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan mahu menjadikan Brunei sebagai sebuah Negara Zikir. Dengan tindakan demikian seolah-olah pendidikan Ugama Islam kurang penting sedangkan ia memainkan peranan dalam pembentukan saksiah pelajar ke arah keimanan, ketakwaan dan berakhlak mulia. Langkah ini tidak hanya mendapat reaksi dari orang ramai bahkan ia telah mendapat teguran daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah titah baginda sempena menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2009. Antara lain baginda bertitah:

“Sumber manusia berkualiti adalah faktor penentu kepada keupayaan negara untuk menikmati kemajuan secara berpanjangan. Kerana itu, kita tidak pernah mengabaikan pendidikan. Dasar kita jelas, iaitu ingin melahirkan seberapa ramai ilmunan, yang dapat menyaksikan kemunculan golongan-golongan pemimpin, pemikir dan pengusaha yang berwibawa. Dalam pada itu, Beta ingin mengingatkan, dasar dan sistem pendidikan kita, tidak boleh sama sekali membelakangi nilai-nilai kita yang murni iaitu ugama maha suci serta adat resam bangsa yang luhur.” (Adakah SPN 21 Mendukung visi dan misi JPI, 3 Januari 2011: <https://ibnuziad.wordpress.com/category/spn21>)

Kesan dari teguran ini, maka Kementerian Pendidikan telah menjadi mata pelajaran Ugama Islam bersama Melayu Islam Beraja menjadi mata pelajaran teras dalam SPN 21. Mata pelajaran Melayu Islam Beraja merupakan mata pelajaran wajib sejak tahun 1992. (Pelita Brunei. 2015)

Oleh sebab kemunculan SPN 21 dibuat dalam masa yang agak pendek, jika diambil kira masa perancangannya bermula pada tahun 2005 dan perlaksanaannya dilakukan pada tahun 2008, dasar ini berhadapan dengan masalah mendapatkan guru terlatih dalam mata-mata pelajaran yang baharu diperkenalkan seperti mata pelajaran drama, muzik, pertanian, permakanaan dan lain-lain lagi. Sedangkan masalah kekurangan guru ini sudah berlaku sebelum ini termasuk mata pelajaran lukisan. Hal berlaku imbalances pengeluaran guru dengan kemasukan pelajar baharu tidak selari. Keadaan ini menjadikan ada guru-guru yang diataskan mengajar mata pelajaran yang mereka tidak mahir. Ini boleh menjejaskan prestasi pembelajaran para pelajar. Begitu juga buku-buku teks juga menghadapi masalah kerana buku-buku teks sebelum ini tidak dapat digunakan kerana tidak sesuai dengan pendekatan SPN 21. Untuk mengadakan buku teks yang sesuai dengan SPN 21 ia akan mengambil masa. Bagaimanapun semua ini cuba diatasi oleh pihak Kementerian Pendidikan secara berhemah.

RUMUSAN

Dari pembicaraan di atas nyatalah dasar-dasar pendidikan yang muncul dalam sistem pendidikan Brunei dari tahun 1954 hingga kini memang melihatkan perubahan yang cuba disesuaikan dengan perubahan dan permintaan semasa. Ia juga berhadapan dengan berbagai masalah. Di antara masalah utama yang sering dihadapi pada dasar-dasar pendidikan dalam tempoh ini ialah hendak menjadi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah seluruh negeri. Isu ini jelas dilihat pada Dasar Pendidikan 1954, 1962 dan 1972 yang mahukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Namun ia menghadapi halangan untuk dilaksanakan dalam sistem persekolahan di negeri. Masalah untuk mengadakannya bukan sahaja disebabkan faktor dalaman bahkan juga menyangkut faktor luaran. Masalah luar berlaku apabila hubungan Brunei dan Malaysia keruh, maka pelaksanaan untuk menjadikan Bahasa Melayu seperti yang disarankan dalam Dasar Pendidikan 1962 dan 1972 telah gagal. Dengan yang demikian sekolah berbagai aliran terus wujud di Brunei seperti mana yang terdapat pada Dasar Pendidikan 1954. Apabila Dasar Pendidikan Dwibahasa dan SPN 21 diwujudkan sekali lagi masalah Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar timbul. Apa yang jelasnya kedua-dua dasar ini tidak menjadi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, ia telah diambil alih oleh Bahasa Inggeris. Bahasa ini dijadikan bahasa pengantar dengan alasan Bahasa Inggeris bukan sahaja bahasa antarabangsa tetapi dengan menguasai bahasa ini generasi muda Brunei akan dapat menimba ilmu setinggi-tingginya. Bagaimanapun untuk menjaga kedudukan Bahasa Melayu, ia telah menjadi mata pelajaran teras kepada kedua-dua dasar tersebut. Dalam pada itu apabila SPN21 dilancarkan pada tahun 2008 dengan alasan bagi menggantikan sistem pendidikan sebelumnya yang telah diteliti, tidak dapat menyediakan program-program akademik dan kemahiran yang bersesuaian dengan kehendak negara yang terus berkembang dalam dunia global berteknologi tinggi dewasa ini. SPN21 mempunyai matlamat utama untuk merealisasikan visi Kementerian Pendidikan bagi mewujudkan pendidikan berkualiti ke arah negara yang maju, aman dan sejahtera, serta untuk merealisasikan misinya untuk memberikan pendidikan yang holistik bagi mencapai potensi yang penuh bagi semua. Bagaimanapun dasar ini mendatangkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam di negara ini apabila mata pelajaran Ugama Islam dan Melayu Islam Beraja tidak menjadi mata pelajaran teras, sebaliknya hanya menjadi mata pelajaran pilihan. Ia juga mendapat teguran daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan kerana dalam titah baginda sering ditekankan bahawa dalam mengejar kemajuan dunia, masyarakat Brunei tidak boleh menafikan nilai-nilai dan budaya tradisi yang murni yang telah diwarisi sekian lama oleh rakyat di negeri ini. Nilai murni yang dimaksudkan dalam titah ini ialah pegangan kepada Ugama Islam dan falsafah Melayu Islam Beraja. Akhirnya pada tahun 2009 kedua-dua mata pelajaran ini telah menjadi mata pelajaran teras. SPN 21 ternyata tidak hanya menuntut perubahan yang besar terhadap struktur dan sistem pendidikan, kurikulum, penilaian dan juga pendidikan teknikal tetapi juga menuntut perubahan mentaliti, transformasi, dan penerapan nilai-nilai murni sebagai persiapan dalam menangani arus perkembangan globalisasi yang dijangka bukan sahaja menjana nilai-nilai positif dari segi perkembangan ilmu tetapi kelahirannya membawa bersama nilai-nilai negatif yang boleh meninggalkan kesan ke atas generasi muda Brunei. Oleh itu pendidikan sebagai salah satu aspek sosial tidak boleh dipandang mudah kerana kejayaan dan kemajuan sesebuah negara sangat bergantung kepada

institusi pendidikan dalam melahirkan insan cemerlang bukan sahaja dalam ilmu pengetahuan tetapi juga kecemerlangan akhlak juga penting. Generasi muda adalah aset negara yang penting untuk meneruskan agenda pembangunan di masa akan datang. Bagaimanapun semua yang telah dirancang dengan kemas dan teratur pada dasar ini, adalah menjadi harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan rakyat negeri tidak hanya tinggal rancangan pada kertas tetapi apa yang penting biarlah menjadi realiti pada peringkat perlaksanaannya.

RUJUKAN

A.BUKU

Haji Awg Asbol bin Haji Mail. (2006). *Sejarah perkembangan pendidikan di Brunei 1950 – 1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2006.

Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Haji Yusop bin Haji Awg Damit & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah.(2014). *Evolusi dan tranformasi kecemerlangan 100 tahun pendidikan Negara Brunei Darussalam 1914 – 2014*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.

Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik Politik dan pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Himpunan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepanjang 1990.(1994). Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan.

Ibrahim Saad. (1986). *Pendidikan dan politik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kegemilangan pentadbiran dan perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam. (2013). Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkhidmatan Awam.

Kumpulan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepanjang 1993. (1994). Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan.

Leake.D. (1990). *Brunei the modern Southeast Asian Islamic sultanate*. Kuala Lumpur: Forum.

Ramanathan. K.(1985). *Politik dalam pendidikan bahasa 1930 – 1971*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd. 1985

Ranjit Singh D.S.(1991). *Brunei 1839-1983: The problem of political survival*. Singapore: Oxford University Press, 1991

Sabihah Osman. (1990). *Perkembangan pelajaran bumiputera Sarawak 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Haji Hakip.(1995). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sufean Hussin. (1993). *Pendidikan di Malaysia sejarah, sistem dan falsafah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (2002). *Dasar pembangunan pendidikan Malaysia teori dan analisis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

B. ARTIKEL

Mohamad Abd Bakar. (1981). Politik Brunei menjelang penubuhan Malaysia. *Malaysia dari segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia no.10.

_____(1986). Perspektif Islam semasa: Suatu tinjauan kritis. *Islam dan pembangunan negara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sistem pelajaran kita harus segera dirubah. (1962). Majalah Suara Guru. Keluaran Feb. bil. 3. Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei.

C. TESIS

Ahmad Haji Jumat. (1989). A chronological study of the development of education in Brunei Darussalam from 1906 to 1984 with special reference to education policies and their implementation. Ph.d. thesis. The School of Education California Coast University.

Hisham Haji Md Sum. (1993). Educational dependency: A case study on Brunei Darussalam. Ph.d. thesis. University of Reading, United Kingdom.

D. DOKUMEN KERAJAAN

Minutes of the State Council Meetings 6 July 1946, 6 December 1946, 5 February 1947 dan 6 March 1947. Tidak and number rujukan.

Training of Teachers at Batu Lintang School. Siaran sementara no 22/1948 ref. no. (6) in ed/75/1948 no. 406/1948.

Education policy for Brunei. BA/6469/1983, SUK 240/52.

Bevington. E.R. The economy and development of state of Brunei. 30 Jun 1955. CO 1030/300.

Padmore. H.J. (1954). *Proposed development plan for Education Department 1954 - 1960*. Bandar Brunei: Education Department.

Brunei education departmental triennial report for 1955 to 1957. (t.th). Bandar Brunei: Education Department.

Bevington E.R. *Penyata pembangunan Negeri Brunei 1953-1958*, t.pt. Jun. 1958.

Aminuddin Baki dan Paul Chang. Laporan penyata pelajaran Negeri Brunei. 21. Sept. 1959. Dokumen yang tidak diterbitkan disimpan oleh Pusat Sejarah Brunei.

Penyata rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei 16 dan 17 April 1962.

Laporan pelajaran tiga tahun 1964-1966. (1967). Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.

Laporan pelajaran tahun 1972. (1973). Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.

Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei 1972. (t.th). Bandar Seri Begawan: Jabatan Setiausaha Kerajaan.

Sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam. (1985). Bandar Seri Begawan: Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Education in Brunei Darussalam. (1992). Bandar Seri Begawan: Ministry of Education.

Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN 21). 2009. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.

Brunei Annual Report 1914 (Bar 1914)

Bar 1928

Bar 1929

Bar 1949

Bar 1951

Bar 1953

Bar 1954

Bar 1983-1984

E. AKHBAR

Berita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei. 28. Nov. 1972

Berita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei. 25. Sept. 1973

Borneo Bulletin. 15. Mac. 1958

Pelita Brunei. 6 Disember 1961.

Pelita Brunei. 18. April. 1962

Pelita Brunei. 18. April. 1984

Pelita Brunei. 5. Okt. 2015

Suara Bakti. 3. Nov. 1961

Suara Bakti. 24. Nov. 1961

F.INTERNET

Adakah SPN 21 mendukung visi dan misi JPI. 3. Jan. 2011. Diambil daripada <https://ibnuziad.wordpress.com/category/spn21>

_____0000_____